

## Perbezaan Latar Belakang Pendidikan Agama Islam Dan Kesannya Terhadap Tanggapan Serta Keinginan Masyarakat Kedayan, Sabah Mengamalkan Amalan Tradisi

[1] Ros Aiza Mohd Mokhtar (PhD) & [2] Che Zarrina Sa'ari (PhD)

### ABSTRACT

Kedayan ethnic is one of the ethnic groups inhabiting Borneo island including Brunei, Sarawak and Sabah. All of them are Muslims who are believed to have been exposed to the spread of Islam during the Sultanate of Brunei at the end of the 15th century. As such, they are seen as those who understand Islam better than other ethnic groups on Borneo Island. Their awareness of Islamic education is also good. This can be seen in the numerous religious schools founded to teach Islamic education in Sipitang where Kedayan form the majority population. At the same time, Kedayan people also being associated with the uniqueness of their customs and traditions which they inherited for several centuries. Therefore, this study will focus on the differences in the attitude and intention of this community in performing their customs and traditions due to different levels of religious education. This study used a questionnaire distributed to 414 respondents. The findings of this study revealed high correlation between the attitude of Kedayan people toward customs and traditions and their intention to continue practicing their customs and traditions. Moreover, there was a statistically significant difference between attitude and intention of this community to practice their customs and traditions as far as different religious education backgrounds are concerned.

**Keywords:** *Kedayan, Islamic education, customs and traditions*

[1] Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah  
Sabah  
[rosaiza@ums.edu.my](mailto:rosaiza@ums.edu.my)

[2] Jabatan Akidah dan  
Pemikiran Islam  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
[zarrina@um.edu.my](mailto:zarrina@um.edu.my)

## PENGENALAN

Kebanyakan masyarakat di Nusantara masih lagi mempunyai ikatan yang kuat dengan amalan tradisi yang diwarisi sejak turun-temurun. Amalan tradisi tersebut berkembang dan mengalami perubahan sejajar dengan kepercayaan atau agama yang mereka anuti. Dalam erti kata yang lain amalan tradisi masih diteruskan dengan mengubah persepsi atau tanggapan terhadap amalan tersebut agar ia tidak bercanggah dengan ajaran agama yang mereka anuti. Walau bagaimanapun, dalam kes masyarakat yang dikaji iaitu masyarakat Kedayan, sebahagian tanggapan atau persepsi lama yang berasaskan kepercayaan sebelum Islam seperti animisme sangat sinonim dengan amalan tertentu menyebabkan golongan yang mendapat pendidikan agama yang lebih baik meninggalkan amalan tradisi tersebut kerana ia dikaitkan dengan tanggapan atau persepsi lama yang tidak selari dengan ajaran Islam yang mereka anuti. Justeru itu, artikel ini akan menyelami korelasi antara tanggapan masyarakat ini terhadap amalan tradisi dengan keinginan mereka meneruskan amalan tradisi tersebut seterusnya membandingkan tanggapan terhadap amalan tradisi serta keinginan mereka meneruskan amalan tradisi tersebut daripada peringkat pendidikan agama Islam yang berbeza.

## SOROTAN LITERATUR

Kedayan telah didefinisikan dalam *Kamus Dewan*, sebagai 'pengiring' atau 'hamba' (Noresah Baharom, 2005). Hal ini dikaitkan dengan kehidupan masyarakat berkenaan sebagai pengiring raja pada zaman feudal. Perkataan Kedayan berasal daripada perkataan Melayu Kodi (*score*), dan mendapat akhiran 'an' lalu menimbulkan bunyi Kodian (Parnell, 1911, hh. 150-151). Terdapat sepuluh ejaan bagi terminologi Kedayan yang digunakan oleh penulis-penulis yang menulis tentang masyarakat Kedayan. Antaranya ialah Kadaian, Kadian dan lain-lain (Maxwell, 1970, hh. 87-103). Etnik Kedayan berasal dari Jawa yang dibawa oleh Sultan Bolkiah (Sultan Brunei Kelima). Sejarah awal kedatangan Kedayan ke Brunei dikaitkan dengan peristiwa sabung ayam antara Putera Jawa dengan Sultan Brunei. Sultan Brunei telah memenangi pertandingan sabung ayam tersebut, lalu dihadiahkan sebilangan orang untuk dibawa pulang ke Brunei. Justeru itu, perkataan "Kedayan" pada mulanya merujuk pekerjaan sebagai pengiring raja. Apabila jumlahnya kian bertambah, mereka mula membentuk etnik Kedayan (Sablee Bagol, 1994; A. M. Hasan, 2008, h. 165). Oleh kerana sebahagian Sarawak dan Sabah dahulu di bawah pemerintahan Brunei, Etnik Kedayan turut mendiami Sarawak dan Sabah. Jumlah etnik ini di seluruh Borneo adalah sekitar 240 ribu orang (Amde Sidik, 2007; M. Saiful Japar, 2009). Keseluruhan masyarakat Kedayan adalah penganut agama Islam yang dipercayai telah terdedah dengan proses penyebaran Islam di Brunei pada akhir abad ke-15 (Harrison, 1972, hh. 11-12; Muhiddin Yusin, 1990).

Dari segi sumber ekonomi, masyarakat Kedayan menyara hidup dengan menanam padi dan beberapa jenis tanaman lain, menangkap ikan serta memburu binatang di hutan (Sather & Solhee, 1974, hh. 249-226). Dahulunya, mereka mengamalkan ritual tertentu bagi memastikan mereka mendapat hasil yang baik daripada kegiatan ekonomi mereka sama ada daripada hasil tanaman, tangkapan ikan mahupun binatang buruan (Julayhi Tani, 1991; Laman Jaafar, 1981, hh. 49-53). Antara ritual penting masyarakat Kedayan adalah Makan Tahun (P.M. Sharifuddin, 1969, hh. 15-23; Awang Ahmad, 1987, h. 11 ; Suhaidi Salleh, 2002; Maulana Magiman, 2012). Namun, tradisi ini semakin pupus.

Walaupun bagaimanapun, terdapat amalan tradisi yang masih diamalkan oleh masyarakat ini khususnya di kawasan kajian iaitu Sipitang, Sabah. Antaranya ialah mandi Langir, berubat dengan dukun dan jampi mantera, *tawar* halaman, petua berburu, membersihkan kubur di bulan Shaaban dan pelbagai jenis kenduri arwah.

Mandi Langir ialah sejenis mandian yang menggunakan air yang dicampurkan dengan akar kayu langir bertujuan untuk membersihkan dan mewangikan diri seseorang. Ia lazimnya dilakukan kepada pengantin lelaki dan perempuan, anak lelaki sebelum dikhatan, ibu yang selepas habis pantang melahirkan anak dan wanita selepas habis datang bulan. Walau bagaimanapun, penggunaannya diperluaskan kepada selain manusia termasuklah haiwan untuk tujuan penyembelihan atau dijadikan korban sempena sambutan Aidil Adha, benda bukan hidup seperti kenderaan dan di samping itu, air langir turut disiram ke atas mayat dalam kubur (Hj. Bongsu Mohamad, temu bual 12/2/2013).

Berubat dengan dukun dan jampi mantera pula merupakan perubatan tradisional dalam masyarakat ini. Terdapat pelbagai jenis jampi mantera yang diamalkan oleh dukun dan masyarakat awam Kedayan untuk menyembuhkan pelbagai penyakit seperti sakit kepala, kembung perut, gangguan makhluk halus dan lain-lain (Hj. Miasan Junil, temu bual 13/2/2013).

Manakala, *tawar halaman* ialah sejenis amalan untuk menjaga rumah khususnya dari gangguan makhluk halus dengan cara menanam kunyit, asam dan garam di empat penjuru rumah dengan diiringi bacaan mantera tertentu. Amalan ini lazimnya dilakukan sebelum mendirikan rumah (Hj. Daim Bakar, temu bual 17/3/2013).

Di samping itu, terdapat beberapa petua berburu yang lazim diamalkan dalam masyarakat ini iaitu memberi salam ketika hendak masuk ke dalam hutan dan membaca selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w. serta menyapu muka secara simbolik dengan cahaya (*suluh*) Nabi Muhammad s.a.w. bagi mengelak daripada gangguan makhluk halus (Hj. Miasan Junil, temubual 13/2/2013).

Pada bulan Shaaban pula, masyarakat ini lazimnya membersihkan kubur secara gotong-royong yang melibatkan kaum lelaki dalam kampung mereka pada tarikh yang telah ditetapkan. Ia juga lazimnya diiringi dengan jamuan makan atau kenduri arwah yang disebut Makan Arwah yang lazimnya juga dibuat secara bergotong-royong oleh kaum wanita kampung tersebut bagi mendoakan keluarga yang telah meninggal dunia (Hj. Daim Bakar, temu bual 17/3/2013).

Selain Makan Arwah, terdapat juga pelbagai jenis kenduri arwah yang lain iaitu Makan Malam Tujuh, Makan 3, 7, 14, 40, 100 Hari dan Jumaat-jumaatan. Makan Malam Tujuh ialah kenduri arwah yang diadakan pada tujuh malam terakhir di bulan Ramadhan. Makan 3, 7, 14, 40, 100 Hari pula adalah kenduri arwah yang diadakan selepas kematian iaitu pada hari ke 3, 7, 14, 40, 100 selepas kematian. Manakala Makan Jumaat-Jumaatan pula adalah kenduri arwah yang diadakan sebanyak tiga kali pada setiap hari Jumaat selepas kenduri arwah dan tahlil pada hari ke 14 (Hj. Bongsu Mohamad, temu bual 12/2/2013).

Semua amalan tradisi tersebut masih mewarnai kehidupan masyarakat Kedayan khususnya di Sipitang, Sabah dan akan dibincangkan dari segi tanggapan umum masyarakat tersebut terhadapnya serta keinginan mereka untuk mengamalkannya.

## OBJEKTIF

Objektif artikel ini adalah:

- 1) Mengkaji tanggapan masyarakat Kedayan terhadap amalan tradisi mereka.
- 2) Mengkaji keinginan masyarakat Kedayan mengamalkan amalan tradisi mereka.
- 3) Melihat perbezaan tanggapan masyarakat Kedayan terhadap amalan tradisi mereka menurut peringkat pendidikan agama Islam yang berbeza.
- 4) Melihat perbezaan keinginan masyarakat Kedayan mengamalkan amalan tradisi mereka daripada peringkat pendidikan agama Islam yang berbeza.
- 5) Mengenal pasti hubungan antara tanggapan masyarakat Kedayan terhadap amalan tradisi dengan keinginan mereka untuk mengamalkannya.

## HIPOTESIS

Hipotesis artikel ini adalah:

- 1) Terdapat perbezaan tanggapan masyarakat Kedayan terhadap amalan tradisi mereka di antara peringkat pendidikan agama Islam yang berbeza.
- 2) Terdapat perbezaan keinginan masyarakat Kedayan mengamalkan amalan tradisi mereka di antara peringkat pendidikan agama Islam yang berbeza.
- 3) Terdapat hubungan antara tanggapan masyarakat terhadap amalan tradisi mereka dengan keinginan mereka mengamalkan amalan tradisi tersebut.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang dibina sendiri berpandukan the *Theory of Planned Behavior* oleh Icek Ajzen (1985). Menurut teori ini, peri laku atau amalan seseorang boleh dijangka melalui keinginan (*intention*) seseorang melakukannya di samping kawalan terhadap perilaku atau amalan (*behavioral control*) tersebut. Keinginan tersebut pula boleh dijangka melalui tanggapan atau sikap (*attitude*) seseorang terhadap peri laku atau amalan tersebut, norma subjektif (*subjective norms*) dan persepsi tentang kawalan peri laku (*perceived behavioral control*) (Ajzen, 1985, hh. 11-39). Berpandukan garis panduan daripada teori ini, pengkaji telah membina satu set soal selidik yang merangkumi lima bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat Latar Belakang Responden, Bahagian B: Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi, Bahagian C: Norma Subjektif, Bahagian D: Persepsi Tentang Kawalan Terhadap Amalan Tradisi dan Bahagian E: Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi.

Soal selidik telah diedarkan kepada 500 orang responden yang terdiri daripada masyarakat Kedayan daripada 20 buah kampung di daerah Sipitang, Sabah. Sipitang dipilih kerana ia merupakan '*heart of Kedayan*' di Sabah, Malaysia. Sebanyak 414 soal selidik telah dikembalikan iaitu sebanyak 82.8%. Bilangan ini adalah memadai berdasarkan kepada pengiraan Krejcie dan Morgan (1970, h. 608) yang menyatakan sampel yang bersesuaian dengan populasi 20,000 adalah sebanyak 377. Hal ini berpadanan dengan populasi kajian iaitu 20,102 (Profil kampung, Daerah Sipitang, 2012). Ujian kebolehpercayaan juga telah dilakukan menggunakan *Cronbach's alpha*. Nilai alpha Cronbach bagi soal selidik ini adalah sebagaimana dalam Jadual 1 berikut:

**Jadual 1:** Kebolehpercayaan Alatan Kajian

Kategori Konstruk	Bilangan Item	Bilangan Respoden	Nilai alpha
Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi	14	414	.904
Norma Subjektif Terhadap Amalan Tradisi	18	414	.889
Persepsi Tentang Kawalan Terhadap Amalan Tradisi	14	414	.870
Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi	10	414	.856

*Sumber:* Ujian Cronbach's Alpha Bagi Menguji Kebolehpercayaan Instrumen (Sipitang, 2013)

Berdasarkan ujian *Cronbach's alpha* yang dijalankan, nilai alpha ialah .904 bagi konstruk Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi, .889 bagi konstruk Norma Subjektif Terhadap Amalan Tradisi, .870 bagi konstruk Persepsi Tentang Kawalan Terhadap Amalan Tradisi dan .856 bagi konstruk Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi. Ini menunjukkan instrumen yang dibentuk mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Beberapa analisis turut dijalankan untuk menguji hipotesis kajian. Analisis dijalankan menggunakan SPSS versi 20. Bagi memastikan analisis yang bersesuaian, ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov dijalankan ke atas semua pemboleh ubah (Leedy, 1997). Keputusan ujian adalah sebagaimana jadual 2 berikut:

**Jadual 2:** Kenormalan Taburan Data

Kategori Konstruk	Nilai p
Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi	.090
Norma Subjektif Terhadap Amalan Tradisi	.028
Persepsi Tentang Kawalan Terhadap Amalan Tradisi	.001
Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi	.001

*Sumber:* Ujian Normaliti Kolmogorov-Smirnov bagi Menguji Taburan Data, Sipitang, 2013

Berdasarkan ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov yang dijalankan, didapati bahawa taburan data komponen Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi adalah normal atau parametrik iaitu melebihi .05. Manakala taburan data bagi komponen Norma Subjektif Terhadap Amalan Tradisi, Persepsi Tentang Kawalan Terhadap Amalan Tradisi dan Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi pula adalah tidak normal atau non-parametrik.

Walau bagaimanapun, menurut De Vaus (2002), saiz sampel yang besar juga boleh dianggap memenuhi kriteria taburan normal. Eksperimen ujian statistik menunjukkan bahawa dengan tidak mematuhi syarat taburan normal, tidaklah memberi kesan yang besar terhadap hasil ujian. Sekiranya distribusi atau taburan pemboleh ubah dalam soal selidik tidak normal sedangkan saiz sampel adalah besar iaitu melebihi 100 orang, penggunaan statistik yang bersesuaian dengan taburan data sebagai normal adalah munasabah. Berdasarkan pandangan ini, ujian statistik bagi mengenal pasti perbezaan dan korelasi bagi pemboleh ubah telah dijalankan menggunakan alatan atau ujian parametrik iaitu ujian ANOVA dan ujian korelasi Pearson.

## DAPATAN KAJIAN

### A. Profil Responden

Borang soal selidik yang telah berjaya dikutip dan dianalisis adalah daripada 414 orang responden dari pelbagai latar belakang. Maklumat latar belakang responden secara keseluruhan yang meliputi jantina, umur, taraf perkahwinan, klasifikasi pekerjaan, pendapatan isi rumah, tahap pendidikan agama Islam dan kampung kediaman ditunjukkan dalam Jadual 3 berikut:

**Jadual 3:** Maklumat Latarbelakang Responden

Perkara	Perincian	Bilangan <i>n</i>	Peratus %
Jantina	Lelaki	207	50.0
	Perempuan	207	50.0
Umur	Bawah 20 Tahun	46	11.1
	20-39 Tahun	125	30.2
	40-59 Tahun	165	39.9
	60-79 Tahun	50	12.1
	80 Tahun ke atas	28	6.8
Taraf Perkahwinan	Bujang	113	27.3
	Berkahwin	261	63.0
	Bercerai	13	3.1
	Kematian suami/isteri	27	6.5
Klasifikasi Pekerjaan	Kerajaan	101	24.4
	Swasta	41	9.9
	Sendiri	114	27.5
	Tidak Bekerja	105	25.4
	Pelajar	53	12.8
Pendapatan Isi Rumah	Bawah 1000	105	25.4
	1000-4999	260	62.8
	5000-9999	40	9.7
	10000 ke atas	9	2.2
Tahap Pendidikan Agama Islam	Sekolah/ Sekolah Agama	143	34.5
	Kolej/ Universiti	15	3.6
	Surau/ Masjid	76	18.4
	Tiada	180	43.5
Kampung Kediaman	Bangsar	22	5.3
	Naluyan	29	7.0
	Pelakat	24	5.8
	Lubok Darat	27	6.5
	Melalia	20	4.8
	Pantai	22	5.3

Pasir Putih	23	5.6
Berambai	23	5.6
Menengah	23	5.6
Sg. Bubus	23	5.6
Kelamauh	20	5.6
Bebangkong	18	4.3
Naparan	23	5.6
Mesapol	18	4.3
Patarikan	18	4.3
Luagan	13	3.1
Tanah Merah	11	2.7
Sindumin Baru	15	3.6
Skim	21	5.1
Sindumin	20	4.8

Jumlah Keseluruhan = 414 orang

Sumber: Soal Selidik, Sipitang, April-Jun 2013

Berdasarkan Jadual 3, seramai 207 orang responden (50 peratus) adalah lelaki manakala 207 orang (50 peratus) pula adalah perempuan. Umur mereka pula terdiri daripada empat kategori iaitu 46 orang responden (11.1 peratus) berumur di bawah 20 tahun, 125 orang (30.2 peratus) berumur antara 20 hingga 39 tahun, 165 orang responden (39.9 peratus) berumur antara 30 hingga 49 tahun, 50 orang responden (12.1 peratus) berumur antara 60 hingga 79 tahun dan 28 orang responden (6.8 peratus) berumur 80 tahun ke atas.

Bagi kategori status perkahwinan pula, seramai 113 orang responden (27.3 peratus) masih bujang, 261 orang (63.0 peratus) sudah berkahwin, 13 orang (3.1 peratus) telah bercerai dan 27 orang responden (6.5 peratus) telah kematian suami atau isteri.

Manakala bagi kategori sektor pekerjaan, seramai 101 orang responden (24.4 peratus) bekerja di sektor kerajaan, 41 orang (9.9 peratus) di sektor swasta, 114 orang (27.5 peratus) bekerja sendiri, seramai 105 orang (25.4 peratus) tidak bekerja dan 53 orang (12.8 peratus) adalah pelajar.

Dari segi pendapatan isi rumah pula, seramai 105 orang responden (25.4 peratus) terdiri daripada mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM1,000, seramai 260 orang (62.8 peratus) mempunyai pendapatan isi rumah antara RM1,000 - RM4,999, 40 orang (9.7 peratus) mempunyai pendapatan isi rumah antara RM5,000 - RM9,999 dan 9 orang (2.2 peratus) mempunyai pendapatan isi rumah RM10,000 ke atas.

Seterusnya bagi kategori tahap pendidikan agama Islam yang diterima ialah seramai 143 orang responden (34.5 peratus) mendapat pendidikan agama di sekolah atau sekolah agama, 15 orang (3.6 peratus) mendapat pendidikan agama di Kolej atau Universiti, 76 orang (18.4 peratus) mendapat pendidikan agama di surau dan masjid, manakala seramai 180 orang (43.5 peratus) tidak mendapat pendidikan agama.

Untuk kampung kediaman taburan responden seperti tertera dalam Jadual 3.

## B. Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi

Jadual 4 menunjukkan min bagi item Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi

**Jadual 4:** Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi

Tanggapan Individu	Min
Mandi Langir menyucikan rohani dan jasmani seseorang.	3.03
Mandi Langir kepada lembu korban dituntut supaya lembu yang menjadi tunggangan kita di akhirat kelak bersih dan wangi	2.77
Mandi Langir kepada kenderaan yang baru penting bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku	2.52
Berubat menggunakan jampi perlu kerana sesetengah penyakit tidak boleh diubati secara	3.71

moden oleh doktor perubatan.

Kebiasaannya, dukun dan orang berilmu yang pandai mengubati sakit akibat gangguan makhluk halus dan iblis.	3.80
Perubatan tradisi menggunakan jampi membantu menyembuhkan pelbagai penyakit	3.30
<i>Tawar halaman</i> perlu dilakukan untuk mengelakkan gangguan makhluk halus.	3.65
<i>Tembuni</i> (uri) merupakan saudara kembar yang menjaga manusia, oleh itu perlu digantung dengan baik.	3.78
Memberi salam kepada tuan punya hutan sebelum berburu perlu supaya mudah menjerat binatang buruan.	3.86
Sebelum berburu, menyapu muka dengan <i>suluh</i> Muhammad serta selawat penting untuk mengelakkan gangguan daripada makhluk halus.	4.06
Membersihkan kubur harus dilakukan di akhir bulan Shaaban.	3.80
Makan Malam Tujuh di akhir bulan Ramadhan harus dibuat bagi mendoakan roh ahli keluarga yang telah meninggal dunia.	4.08
Makan Arwah harus dilaksanakan bagi mendoakan roh ahli keluarga yang telah meninggal dunia.	4.29
Makan 3, 7, 14, 40, 100 Hari dan Jumaat-Jumaatan harus dilaksanakan bagi mendoakan roh ahli keluarga yang telah meninggal dunia.	4.34

*Sumber:* Soal Selidik, Sipitang, April-Jun 2013.

Tanggapan yang disenaraikan dalam Jadual 4 merupakan tanggapan yang menjadi kebiasaan bagi amalan tradisi tersebut iaitu mandi Langir, berubat dengan dukun atau jampi mantera, *tawar halaman*, menggantung uri, petua berburu, membersihkan kubur di bulan Shaaban dan mengadakan pelbagai jenis kenduri arwah iaitu Makan Malam Tujuh, Makan Arwah, Makan 3, 7, 14, 40, 100 Hari dan Jumaat-jumaatan.

Sebahagian daripada tanggapan tersebut telah dimurnikan dan disesuaikan dengan ajaran Islam seperti tanggapan umum terhadap membersihkan kubur di bulan Shaaban, Makan Malam Tujuh, Makan Arwah, Makan 3, 7, 14, 40, 100 Hari dan Jumaat-jumaatan. Manakala sebahagian daripada tanggapan tersebut pula masih dipersoalkan keselariannya dengan ajaran Islam seperti mandi Langir, berubat dengan dukun atau jampi mantera, *tawar halaman*, menggantung uri dan petua berburu (Sahibus Samahah Hj. Bongsu Aziz bin Ja'afar, temu bual 19/3/2014; Tn. Hj. Shaifuddin Daud, temu bual 1/4/2014). Hal ini kerana sebahagiannya masih dipengaruhi oleh kepercayaan pra Islam seperti animisme.

Secara keseluruhannya skor min bagi tanggapan terhadap amalan tradisi yang masih dipersoalkan keselariannya dengan ajaran Islam adalah sederhana iaitu mandi Langir (3.03, 2.77 dan 2.52), berubat dengan dukun (3.80) atau jampi mantera (3.71 dan 3.30), *tawar halaman* (3.65), menggantung uri (3.78) dan petua berburu (3.86, 3.80). Manakala skor min bagi tanggapan terhadap adat tradisi yang telah dimurnikan dan disesuaikan dengan ajaran Islam adalah tinggi iaitu membersihkan kubur di bulan Shaaban (4.06), Makan Malam Tujuh (4.08), Makan Arwah (4.29), Makan 3, 7, 14, 40, 100 Hari dan Jumaat-jumaatan (4.34).

### C. Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi

Jadual 5 pula mempamerkan min untuk keinginan mengamalkan amalan tradisi.

**Jadual 5:** Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi.

Amalan Tradisi	Min
Saya akan mengamalkan mandi Langir.	2.72
Saya akan berubat menggunakan jampi.	2.72
Saya akan berubat dengan dukun.	2.67

Saya akan melakukan <i>tawar halaman</i> .	3.42
Saya akan menggantung <i>tembuni</i> (uri) di tempat yang tinggi.	3.60
Saya akan mengamalkan petua tertentu untuk berburu.	3.51
Saya akan meneruskan amalan membersihkan kubur di bulan Shaaban.	4.04
Saya akan meneruskan amalan Makan Malam Tujuh di bulan Ramadhan.	4.08
Saya akan meneruskan amalan Makan Arwah.	4.26
Saya akan meneruskan amalan Makan 3, 7, 14, 40, 100 Hari dan Jumaat-Jumaatan.	4.25

Sumber: Soal Selidik, Sipitang, April-Jun 2013.

Jadual 5 menunjukkan keinginan masyarakat ini mengamalkan amalan tradisi mereka bergantung kepada amalan tradisi itu sendiri. Sebahagian amalan tradisi amat cenderung diamalkan iaitu membersihkan kubur di bulan Shaaban (4.04), Makan Malam Tujuh (4.08), Makan Arwah (4.26), Makan 3, 7, 14, 40, 100 dan Jumaat-jumaatan (4.25). Sebahagian amalan tradisi pula mempunyai skor min yang sederhana iaitu *tawar halaman* (3.42), menggantung uri (3.60) dan petua berburu (3.51). Manakala sebahagian amalan tradisi pula mempunyai skor min yang agak rendah dalam erti kata yang lain kurang cenderung diamalkan iaitu mandi langir (2.72) dan berubat dengan dukun (2.67) atau jampi mantera (2.72).

#### D. Perbezaan Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi di antara Tahap Pendidikan Agama Islam yang Berbeza

Analisis untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam tanggapan individu terhadap amalan tradisi antara pendidikan agama Islam yang berbeza dijalankan menggunakan Ujian ANOVA sehala dan Duncan Multiple Range. Hasil ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dengan nilai  $p$  adalah .001. Berdasarkan Jadual 6, skor min tanggapan yang paling tinggi terhadap amalan tradisi adalah dari kalangan mereka tiada pendidikan agama (skor min = 3.776), diikuti oleh mereka yang mendapat pendidikan agama di surau dan masjid (skor min = 3.725), diikuti dengan mereka yang mendapat pendidikan agama di sekolah agama (skor min = 3.244), dan seterusnya mereka yang mendapatkan pendidikan agama di kolej/ universiti (skor min = 2.858). Ini bermakna semakin tinggi tahap pendidikan agama Islam yang diterima semakin rendah skor min tanggapannya terhadap amalan tradisi. Hasil ujian adalah sebagaimana dalam Jadual 6 berikut:

**Jadual 6:** Perbezaan Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi di antara Tahap Pendidikan Agama Islam yang berbeza.

Pendidikan Agama	Saiz Sampel	Skor Min	Statistik $f$	Nilai $p$
Kolej/ Universiti	15	2.858	19.784	.001**
Sekolah agama	143	3.244		
Surau/ Masjid	76	3.725		
Tiada	180	3.776		

Sumber: Ujian Anova Sehala dan Duncan Multiple Range, Perbezaan Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi di antara Tahap Pendidikan Agama Islam yang berbeza, Sipitang, 2013.

#### E. Perbezaan Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi Menurut Tahap Pendidikan Agama Islam

Analisis untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam keinginan individu untuk mengamalkan amalan tradisi antara pendidikan agama Islam yang berbeza dijalankan menggunakan Ujian ANOVA sehala dan Duncan Multiple Range. Hasil ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dengan nilai  $p$  adalah .001. Berdasarkan Jadual 7, keinginan paling kuat untuk meneruskan amalan tradisi adalah dari kalangan mereka yang tiada pendidikan agama (skor min = 3.850), diikuti oleh mereka yang mendapat pendidikan agama di surau dan masjid (skor min = 3.640), diikuti dengan mereka yang mendapat pendidikan agama di sekolah agama (skor min = 3.145), dan seterusnya mereka yang mendapatkan pendidikan agama di kolej/ universiti (skor min = 2.766). Keinginan mereka mengamalkan selari dengan tanggapan mereka



terhadap amalan tradisi berdasarkan pendidikan agama yang berbeza. Hasil ujian adalah sebagaimana Jadual 7 berikut:

**Jadual 7:** Perbezaan Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi di antara Tahap Pendidikan Agama Islam yang Berbeza

Pendidikan Agama	Saiz Sampel	Skor Min	Statistik f	Nilai p
Kolej/ Universiti	15	2.766	20.045	.001**
Sekolah agama	143	3.145		
Surau/ Masjid	76	3.640		
Tiada	180	3.850		

*Sumber:* Ujian Anova Sehala dan Duncan Multiple Range, Perbezaan Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi di antara Tahap Pendidikan Agama Islam yang Berbeza, Sipitang, 2013.

#### F. Hubungan antara Tanggapan Individu dan Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi

Untuk melihat sama ada terdapat hubungan antara tanggapan individu terhadap amalan tradisi dan keinginan mereka meneruskan amalan tradisi, ujian korelasi Pearson digunakan. Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan yang tinggi antara tanggapan individu terhadap amalan tradisi dan keinginan mereka meneruskan amalan tradisi dengan nilai  $r$  .838. Hasil ujian adalah sebagaimana dalam Jadual 8.

**Jadual 8:** Hubungan Antara Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi dan Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi

			Min_ Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi	Min_Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi
Min_Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi	Pearson Correlation		1	.838**
	Sig. (2 tailed)		.	.000
	N		414	414
Min_Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi	Pearson Correlation		.838**	1
	Sig. (2 tailed)		.000	.
	N		414	414

*Sumber:* Ujian Korelasi Pearson, Hubungan antara Tanggapan Terhadap Amalan Tradisi dan Keinginan Mengamalkan Amalan Tradisi, Sipitang, 2013.

#### PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Hasil ujian korelasi Pearson telah menunjukkan wujudnya korelasi yang tinggi antara tanggapan terhadap amalan tradisi masyarakat Kedayan dan keinginan mereka mengamalkannya. Dalam pada itu, min bagi keinginan mengamalkan beberapa amalan tradisi seperti mandi Langir, berubat dengan dukun dan jampi mantera, *tawar halaman*, menggantung uri dan mengamalkan petua berburu adalah sederhana iaitu 2.72 hingga 3.60. Dalam masa yang sama, tanggapan terhadap amalan-amalan tersebut juga masih dipersoalkan keselariannya dengan ajaran Islam.

Hal ini menunjukkan wujud sebahagian masyarakat yang kurang berminat meneruskan amalan tradisi mereka dan dalam masa yang sama, latar belakang pendidikan agama Islam mereka turut menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam minat mereka untuk mengamalkan amalan tradisi. Dalam erti kata yang lain, semakin tinggi tahap pendidikan agama Islam seseorang, semakin rendah keinginan mereka mengamalkan amalan tradisi.

Pengkaji cenderung mengatakan bahawa perkara ini ada kaitan dengan tanggapan umum terhadap amalan tradisi tersebut. Dalam hal ini, golongan yang mendapat pendidikan agama Islam yang lebih baik kurang bersetuju dengan tanggapan umum bagi amalan tradisi tersebut yang masih dipersoalkan keselariannya dengan ajaran Islam. Lantaran itu, mereka tidak mahu meneruskan amalan tradisi tersebut kerana dikhuatiri ia akan menjejaskan keimanan mereka.

Di samping itu juga, dapatan kajian menunjukkan bahawa bilangan peratusan masyarakat yang dikaji bagi kategori tiada pendidikan agama secara formal di sekolah atau sekolah agama, kolej atau universiti, mahupun pendidikan agama secara tidak formal di surau atau masjid adalah agak tinggi iaitu 45.5%.

Rentetan daripada hasil kajian ini, pihak yang bertanggungjawab seperti agensi kerajaan serta institusi agama seperti JAKIM, Jheains, YADIM dan juga NGO Islam disarankan mempertingkatkan usaha dalam menambah baik pendidikan agama Islam dalam masyarakat yang dikaji termasuklah pendidikan agama Islam secara tidak formal. Dengan itu, kesedaran untuk memurnikan tanggapan terhadap amalan tradisi dalam kalangan masyarakat agar selari dengan ajaran Islam akan bertambah baik; seterusnya amalan tradisi tersebut boleh diteruskan tanpa ragu-ragu.

## KESIMPULAN

Dapatlah disimpulkan bahawa amalan tradisi masyarakat Kedayan dipengaruhi oleh tanggapan umum masyarakat terhadap amalan tradisi tersebut. Sebahagian ahli masyarakat ini yang mendapat pendidikan agama Islam yang lebih baik akan meninggalkan amalan tradisi tersebut yang ditanggap sebagai masih dipengaruhi oleh kepercayaan pra Islam iaitu animisme yang dikhuatiri tidak selari dengan agama Islam. Oleh itu, kajian ini mencadangkan tanggapan umum terhadap amalan tradisi yang masih dipersoalkan keselariannya dengan ajaran Islam tersebut haruslah dimurnikan atau disesuaikan dengan ajaran Islam agar dapat terus diamalkan oleh masyarakat dari pelbagai peringkat serta menjadi identiti yang unik bagi masyarakat tersebut.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya yang telah membiayai kajian ini melalui Peruntukan Penyelidikan Pascasiawazah (PPP) di bawah projek PG028-2012B.

## RUJUKAN

- Ajzen, I. (1985). From Intentions to actions: A theory of planned behavior. Dalam J. Kuhl & J. Beckman (Penyt.), *Action-control: From cognition to behavior* (hh. 11-39). Heidelberg: Springer.
- Amde Sidik. (2007). *The Mystic of Borneo: Kadayan*. Kota Kinabalu, Malaysia: Borneo Publisher.
- Awang Ahmad. (1987). Tradisi Makan Tahun dalam masyarakat Kedayan. *Beriga*, 15, hh. 11-16.
- Awang Muhammad Hasanan Hj Sallehudin. (2008). Asal usul masyarakat puak Kedayan di Negara Brunei Darussalam: Satu tinjauan awal. *Jurnal Darussalam* 8, hh. 165-181.
- Harrison, T. (1972). The advent of Islam to West and North Borneo. *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 45(1), pp. 11-19.
- Julayhi Tani. (1991). *Sosioekonomi komuniti Kadayan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie R.V. & Morgan D.W. (1970). Determining sample size for reserach activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, p. 608.

- Lamat Jaafar. (1981). Menuba di-kalangan masharakat Kedayan. *BAHANA* 16 (34), pp. 49-53.
- Leedy, P. D. (1997). *Practical research: Planning and design* (6th ed.). Upper Saddle River, NJ : Pearson.
- Maxwell, A. R. (1970). On the various spellings of the Word 'Kadayan'. *Brunei Museum Journal*, 1(1), pp. 87-103.
- Mohamad Maulana Magiman. (2012). Ritual 'Makan Tahun' Masyarakat Kadayan di Kg. Selanyau, Daerah Kecil Berkenu, Sarawak. (Tesis P.hD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Mohamad Saiful bin Japar. (2009). *Perubahan dalam tradisi kekeluargaan Komuniti Kadayan: Kajian etnografi di kampung Sungai Miri, WP Labuan*. (Latihan ilmiah, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu).
- Mohamad Suhaidi Salleh. (2012). *Praktik budaya dan status: Kajian kes Kedayan Sarawak*. Makalah, Persidangan Agama Dan Masyarakat, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Muhiddin Yusin. (1990). *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- P.M. Sharifuddin. (1970). Makan Tahun: The annual feast of the Kedayans. *Brunei Museum Journal*, 2(1), pp. 61-66.
- Parnell, E. (1911). The Names Kadayan, Dayak and Tanjong Datu. *The Sarawak Museum Journal*, pp. 150-151.
- Profil Kampung, Daerah Sipitang, 2012.
- Sablee Bagol. (1994). *Adat istiadat dan kebudayaan suku kaum Kedayan: Satu tinjauan di Daerah Sipitang*. (Latihan Ilmiah, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang).
- Sather, C., & Solhee H. (1974). Kampung Selanyau: Social and economic organization of Kedayan rice-growing village. *Sarawak Museum Journal* 12 (43), pp. 249-226.
- Vaus, D.D. (2002). *Analyzing Social Science data*. London, UK: SAGE.

**Informan Temu bual:**

- Hj. Bongsu bin Muhammad. 93 tahun. Penduduk, Kg. Naparan, Mesapol, Sipitang (temubual, 12/2/2013).
- Hj. Daim bin Bakar. 56 tahun. Penduduk, Kg. Menengah, Ulu Sipitang, Sipitang (temubual, 17/3/2013).
- Hj. Miasan bin Junil. 88 tahun. Penduduk, Kg. Pasir Putih, Ulu Sipitang (13/2/2013).
- Sahibus Samahah Hj Bongsu Aziz bin Ja'afar. Mufti Kerajaan Negeri Sabah (temubual, 19/3/2014).
- Tn Hj Shaifuddin bin Daud. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Jheains (temubual, 1/4/2014).